



# BERITA PETALING JAYA

Misi Perkhidmatan Pelanggan  
Mesra, Cepat & Tepat  
KUALITI KEUTAMAAN KAMI

 [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my)
 Majlis Bandaraya Petaling Jaya
 

 [pjcitycouncil](https://www.youtube.com/pjcitycouncil)
 [pjkita](mailto:pjkita@mbpj.gov.my)
 [smartpj](https://www.smartpj.gov.my)

BIL. 2/2022 • ☎ : 03-7956 3544 samb. 203 / 205 / 206 📠 : 03-7958 2695 📧 : media@mbpj.gov.my **PERCUMA**



## MAJLIS LAKSANA PROJEK KEJADIAN BANJIR KILAT

Berita Penuh MS 3

### PRESTASI HASIL MAJLIS MENINGKAT

Peningkatan kutipan hasil ini menunjukkan kedudukan ekonomi setempat Petaling Jaya telah mula kembali rancak. Selain itu, peningkatan ketara bagi kategori hasil cukai juga menunjukkan bahawa penduduk Petaling Jaya telah mula menerima trend terkini pembayaran secara dalam talian (online).

Berita Penuh MS 2

### PELAKSANAAN PROJEK BAGI MENYELESAIKAN KEJADIAN BANJIR KILAT

Majlis Bandaraya Petaling Jaya amat komited dalam menyelesaikan kejadian banjir kilat di Petaling Jaya. Justeru, untuk bajet tahun 2022 bagi projek pembangunan, sejumlah RM 28,847,270.00 telah diperuntukkan dengan jumlah cadangan projek sebanyak 74

Berita Penuh MS 3

# Sidang Redaksi

www.mbpj.gov.my | Majlis Bandaraya Petaling Jaya | pjcitycouncil | pj.kita | smartpj

**PENAUNG**  
Mohamad Azhan bin Md Amir

**PENASIHAT**  
Haniza binti Abdul Hamid

**KETUA PENGARANG**  
Abdul Hakim bin Khairuddin

**WARTAWAN**  
Ahmad Iskandar bin Muhamad Mukhtar  
Nor Shalizawati binti Hj Baharudin  
Muhammed Azmi bin Yusoff  
Hasbullah bin Juyahir

**PEMBANTU PENERBITAN**  
Nur Mazliyana Edurar binti Mazelan  
Mohammad Shah bin Badlishah

**JURU GAMBAR**  
Rusdi bin Mohammed Halik  
Intan Khairana binti Md. Zali  
Salimey bin Abu Bakar

**PEREKA GRAFIK**  
Badrul Hisham bin A Bakar  
Ihfaznur Ashikin binti Mohammed Arifin

**MAKLUM BALAS DAN CADANGAN  
HANTARKAN KEPADA**

Unit Komunikasi Korporat, Majlis Bandaraya Petaling Jaya

Tel : 03-7956 3544 samb. 203 / 205 / 206 | Faks : 03-7958 2695 | Email : media@mbpj.gov.my



## PRESTASI HASIL MAJLIS MENINGKAT

Prestasi keseluruhan kutipan hasil Majlis sehingga 31 Januari 2022 adalah sebanyak RM 40,072,730 atau 10.31 peratus berbanding dengan anggaran hasil sebanyak RM 388,742,120. Kutipan Hasil Cukai pula berjumlah RM 35,499,757 menunjukkan peningkatan sebanyak 73.24 peratus berbanding tempoh yang sama pada bulan Januari tahun 2021 iaitu sebanyak RM 20,491,652. Manakala kategori Hasil Bukan Cukai menunjukkan prestasi kutipan yang hampir sama iaitu sebanyak RM 4,429,816 pada Januari 2022 berbanding RM 4,428,786 pada Januari 2021. Peningkatan kutipan hasil ini menunjukkan kedudukan ekonomi setempat Petaling Jaya telah mula kembali rancak. Selain itu, peningkatan ketara bagi kategori hasil cukai juga menunjukkan bahawa penduduk Petaling Jaya telah mula menerima *trend* terkini pembayaran secara dalam talian (*online*).

Bagi Prestasi Perbelanjaan pula, sehingga 31 Januari 2022, sebanyak RM 18,336,606 atau 4.46 peratus telah dibelanjakan berbanding anggaran sebanyak RM 410,728,750. Sebanyak RM 16,055,547 atau 4.95 peratus Belanja Mengurus telah dibelanjakan, manakala sebanyak RM 2,281,059 atau 2.63 peratus telah dibelanjakan untuk Belanja Pembangunan. Pada tahun 2022, Majlis telah memperuntukkan Belanja Pembangunan sejumlah RM 86,629,810 atau 22.28 peratus berbanding dengan anggaran keseluruhan kutipan hasil sebanyak RM 388,742,120 bagi menampung projek-projek Pembangunan bertujuan untuk memberi kemudahan dan kesejahteraan kepada penduduk Petaling Jaya.

Secara keseluruhannya, prestasi kewangan Majlis pada 31 Januari 2022 berada di dalam keadaan kukuh di mana kedudukan rezab bersih Majlis adalah sejumlah RM 103,255,397 iaitu peningkatan sebanyak RM 78,916,793 berbanding RM 24,338,604 pada Disember 2021. Oleh itu, perbelanjaan secara berhemah dan usaha meningkatkan kutipan hasil Majlis perlu diteruskan bagi menjamin penyampaian perkhidmatan yang cemerlang kepada penduduk.

### PENGURUSAN TERTINGGI MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

**Aznan bin Hj. Hassan**  
Pengarah,  
Jabatan Khidmat Pengurusan  
Tel : 03-7955 0819

**Ir. Ismail bin Shafie**  
Pengarah,  
Jabatan Kejuruteraan  
Tel : 03-7958 7993

**Hjh. Nik Nazli binti Nik Abdullah**  
Pengarah,  
Jabatan Perbendaharaan  
Tel : 03-7955 2354

**Tn. TPR. Zain Azly bin Abdul Rahman**  
Timbalan Pengarah,  
Jabatan Perancangan  
Tel : 03-7955 7934

**Dr. V. Chithradavi**  
Pengarah,  
Jabatan Perkhidmatan Kesihatan  
Dan Persekitaran  
Tel : 03-7955 2381

**Datin Sr. Amreeta Kaur a/p Pretham Singh**  
Pengarah,  
Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta  
Tel : 03-7955 2428

**Ismathinoon bin Hj. Abd Rahman**  
Penolong Pengarah kanan,  
Jabatan Kawalan Bangunan  
Tel : 03-7956 3544 samb. 366

**Mohd Rosnani bin Hj. Hamid**  
Pengarah,  
Jabatan Pembangunan Masyarakat  
Tel : 03-7960 3293

**Mohd Fauzi bin Maarop**  
Pengarah,  
Jabatan Penguatkuasaan  
Tel : 03-7958 8081

**LAr. Dr. Badruzaman bin Jaafar**  
Pengarah,  
Jabatan Landskap  
Tel : 03-7804 8907

**Hjh. Sharinaz binti Hj. Samsudin**  
Pengarah,  
Jabatan Pelesenan  
Tel : 03-7960 4513

**Lee Lih Shyan**  
Pengarah,  
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal  
Dan Pembersihan Awam  
Tel : 03-7954 1534

**Samsul Bahari bin Nonchi**  
Pengarah,  
Unit Teknologi Maklumat  
Tel : 03-7955 2553

**Haniza binti Abdul Hamid**  
Pengarah,  
Unit Komunikasi Korporat  
Tel : 03-7958 1764

**Norzita binti Mokhtar**  
Pengarah,  
Unit Perundangan  
Tel : 03-7957 8042

**Noor Najwa binti Said**  
Penolong Pengarah 1  
Unit Audit Dalam  
Tel : 03-7954 0268 samb. 114

**Basri bin Basir**  
Pengarah,  
Unit Pusat Setempat (OSC)  
Tel : 03-7954 1725

**Sr. Jayanthi a/p Kupusamy**  
Pengarah,  
Unit Pesuruhjaya Bangunan  
(COB)  
Tel : 03-7960 2055

**Pejabat Cawangan  
Petaling Jaya Utara**  
No. 19-1 Jalan Pekaka 8/1D, PJU 5,  
Prestij Kota Damansara,  
47310 Petaling Jaya, Selangor.  
Tel : 03-6143 7564 / 03-6143 7452 /  
03-6143 6475 / 03-6143 4195 /  
03-6143 5942



## MAJLIS AKAN TELITI PELAKSANAAN PROJEK BAGI MENYELESAIKAN KEJADIAN BANJIR KILAT

Majlis Bandaraya Petaling Jaya amat komited dalam menyelesaikan kejadian banjir kilat di Petaling Jaya. Justeru, untuk bajet tahun 2022 bagi projek pembangunan, sejumlah RM 28,847,270.00 telah diperuntukkan dengan jumlah cadangan projek sebanyak 74. Untuk makluman semua, sehingga Februari sejumlah 15 projek sedang dilaksanakan di tapak yang melibatkan bajet RM 6,678,511.67.

Bagi menangani masalah banjir yang sering berlaku pula, kaedah pengurusan banjir diatur kepada 3 keadaan iaitu Pra Banjir, Semasa Banjir dan Pasca Banjir. Manakala lokasi hotspot banjir kilat sekitar Petaling Jaya yang telah dikenal pasti semenjak tahun 2014 sehingga Februari 2022 adalah berjumlah 34 lokasi. Di mana 26 lokasi Majlis telah mengambil tindakan penyelesaian manakala baki 8 lokasi hotspot banjir masih dalam proses perancangan pembaikan kerana melibatkan kos yang tinggi serta penglibatan pihak ketiga seperti pihak pemaju. Sepanjang tempoh pasca bencana 2021 sehingga kini hanya terdapat 8 lokasi hotspot banjir kilat yang berlaku iaitu:

- Banjir di Jalan Sri Manja (Taman Buana Perdana – melibatkan Pemaju)
- Banjir di Sebahagian Jalan PJS 2/1 (Berhampiran SRK Taman Dato' Harun)
- Banjir di Sebahagian Jalan PJS 2/3 dan PJS 2C/10 (Berhampiran SRK Taman Dato' Harun)
- Banjir di Sebahagian Lorong 51A/227A (Belakang Stesen Minyak Petronas Jalan 222)
- Banjir di Sebahagian Jalan PJS 1/25 (Taman Sri Manja)
- Banjir di Sebahagian Jalan PJS 3/44 (Taman Sri Manja)
- Banjir di Sebahagian Jalan PJU 1A/46, Ara Damansara (Lot Komersil DANA 1)
- Banjir di Sebahagian Jalan SS 7/2 (KGNS)

Bagi tindakan sementara, Majlis bersama pemaju dan kontraktor KDEB telah menjalankan beberapa kerja pembersihan/desilting di Parit Hujan Lebat (PHL) atau longkang utama sebagai contoh aktiviti gotong-royong pembersihan longkang (desilting) bersama pemaju dan pihak KDEB pada 29 Januari 2022 di Parit Hujan Lebat (PHL) Jalan Sri Manja berhampiran Taman Buana Perdana, aktiviti gotong-royong pembersihan longkang (desilting) bersama pihak KDEB 30 Januari 2022 di Parit Hujan Lebat (PHL) Jalan PJS 2/3 Taman Medan/Taman Dato' Harun (PJS 2) dan aktiviti gotong-royong pembersihan longkang (desilting) bersama pihak KDEB dan 5 Februari 2022 di longkang utama Lorong 51A/227A, Seksyen 51A.



## MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA KOMITED DALAM MENGURUSKAN SUMBER MANUSIA KAKITANGAN

Dalam memantapkan pengurusan dan pentadbiran, Majlis Bandaraya Petaling Jaya komited dalam mengendalikan hal ehwal kakitangan bermula daripada menguruskan waran perjawatan, pewujudan jawatan, pengambilan, pengesahan kenaikan pangkat dan kebajikan kakitangan sehingga kakitangan bersara atau berhenti. Bagi rumusan pengisian jawatan adalah seperti berikut :

Jumlah	Tetap	Kontrak	CFS	PSH/ Sambilan
Waran / Bil. Jawatan	1,285	888	58	40
Jumlah Kakitangan	1,150	690	60	40
Kosong	135	198	0	0

Untuk tindakan sehingga bulan Februari, sejumlah 62 jumlah jawatan yang masih di dalam tindakan pelantikan oleh Bahagian Sumber Manusia. Sejumlah jawatan tersebut, ia merangkumi 47 bagi jawatan tetap manakala 15 bagi jawatan kontrak.

Dalam masa yang sama, Majlis amat prihatin dengan keadaan semasa ekoran penularan wabak COVID-19 yang melanda negara saat ini. Berdasarkan laporan harian daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Majlis akan mengambil langkah yang wajar dan perlu jika berlaku apa-apa kemungkinan.



## COVID-19 : TREND MENUNJUKKAN PENINGKATAN DI KALANGAN WARGA KERJA MAJLIS

Trend peningkatan jangkitan kes COVID-19 di Majlis adalah selari dengan peningkatan COVID-19 yang dilaporkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi seluruh Malaysia. Trend peningkatan ini juga dilihat berlaku setiap kali selepas sesuatu perayaan atau cuti umum yang panjang. Ini kerana terdapat lebih banyak pergerakan manusia dan penularan kes lagi mudah merebak. Varian COVID-19 terbaru iaitu 'OMICRON' ini merupakan sejenis varian yang amat mudah merebak sehingga digelar 'super spreader'.

Hasil siasatan Majlis melalui Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Persekitaran mendapati bahawa ramai kakitangan Majlis telah mulai leka dan mengabaikan pematuhan SOP kawalan dan pencegahan COVID-19 dengan tidak memakai pelitup muka dengan sempurna, bersentuhan dengan sengaja, berkumpul di tempat yang sesak, tidak mengamalkan penjarakan fizikal dan tidak melazimi lagi mencuci tangan dengan kerap.

Berdasarkan maklumat terkini kes COVID-19 dalam kalangan kakitangan MBPJ bagi tempoh 1 Januari hingga 16 Februari 2022 Kes Indeks 66 orang, Kes Kontak di lapisan B 73 orang dan Kes Kontak di lapisan C 9 orang. Kesemua 148 orang kes/kes kontak ini telah diarahkan menjalani kuarantin mengikut tempoh yang telah ditetapkan kerana jika keadaan ini berterusan, ianya boleh menjejaskan perjalanan perkhidmatan Majlis.

Oleh yang demikian, langkah dan strategi Majlis dalam membendung penularan wabak ini adalah dengan memastikan wakil setiap Jabatan memaklumkan kejadian kes atau kontak rapat kes COVID-19 di Jabatan/Unit mereka kepada Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Persekitaran bagi tujuan siasatan kes dan menjalani arahan kuarantin mengikut tempoh yang

ditetapkan.

Selain itu, Majlis turut membuat semburan nyahkuman secara berkala di pasar awam, membuat semburan nyahkuman sekiranya terdapat kejadian kes positif di Jabatan/Unit yang berkenaan, sentiasa memberi peringatan agar semua kakitangan mematuhi SOP kawalan dan pencegahan COVID-19 melalui hebahan di laman media sosial, poster, banner/bunting serta pengumuman siar raya di dalam bangunan pejabat Majlis.



## BILIK PENYUSUAN DI KLINIK KAKITANGAN MBPJ

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah menyediakan Bilik Penyusuan MBPJ di Klinik Kakitangan MBPJ. Majlis sentiasa prihatin dan memahami keperluan kakitangan wanita yang merupakan ibu-ibu bekerja dan sedang menyusukan anak. Justeru, penyediaan bilik penyusuan ini membolehkan ibu-ibu mengepam susu dalam ruang yang tenang dan selesa, tidak perlu bersorok dalam bilik stor, surau atau tandas.

Untuk makluman semua, sepertimana Polisi Penyusuan susu ibu yang dicadangkan oleh WHO, semua ibu digalakkan menyusui anaknya dengan susu ibu secara eksklusif dari lahir sehingga berumur 6 bulan dan meneruskannya sehingga mencapai umur 2 tahun. Faedah susu ibu ini adalah merangkumi nutrisi yang paling ideal, mengurangkan masalah alergi dan lebih mudah untuk penghadaman bayi, memberikan antibodi dan immunisasi kepada bayi yang tidak boleh didapati dalam susu formula, mengurangkan risiko kanser payudara dan kanser ovari pada ibu.

Bilik ini dilengkapi dengan peti sejuk, tatacara mengenai keupayaan dan fleksibiliti untuk penyusuan susu ibu, menggalakkan aktiviti pendidikan mengenai penyusuan susu ibu, dan lain-lain bentuk sokongan di tempat kerja.

Majlis juga akan memperluaskan penyediaan Bilik Penyusuan ini di Ibu Pejabat MBPJ dan juga Menara MBPJ bagi memberi kemudahan kepada kakitangan Majlis di sini. Ini juga sejajar dengan usaha Majlis bagi mencapai matlamat PJSSR 30 *Inclusive City* dan *Child Friendly City* dengan menyediakan kemudahan berkenaan.



## PENGURANGAN CUKAI TAKSIRAN KEPADA GOLONGAN ORANG KELAINAN UPAYA (OKU)

Majlis Bandaraya Petaling Jaya amat prihatin dengan bebanan kewangan yang ditanggung oleh masyarakat Petaling Jaya khususnya golongan Orang Kelainan Upaya (OKU). Sepanjang tahun 2021 sejumlah 33 permohonan pengurangan cukai taksiran daripada golongan ini telah diluluskan oleh Majlis yang melibatkan implikasi kewangan sebanyak RM 8,513.16.

Justeru itu, Majlis bersedia untuk mempertimbangkan pengurangan cukai taksiran sebanyak 50 peratus bagi golongan ini setelah pemilik premis mematuhi syarat-syarat permohonan yang telah ditetapkan. Antara syarat-syarat permohonan yang perlu dipatuhi oleh pemohon adalah seperti berikut:

a) Hartanah (Pegangan) adalah dimiliki oleh pemilik harta dalam kalangan Orang Kelainan Upaya (OKU) sahaja (Pasangan / Ahli Keluarga Orang Kelainan Upaya tidak boleh menuntut atau diberi pengurangan).

b) Hartanah (Pegangan) dikategorikan kediaman sahaja yang layak diberikan pengurangan dan ia perlu didiami oleh pemilik pegangan dan tidak disewakan yang mana dikategorikan seperti Rumah Teres, Rumah Sesebuah, Kediaman Bertingkat (Rumah Pangsa/Apartment/Kondominium) dan lain-lain kategori kediaman yang diluluskan oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

c) Pemilik hartanah (Pegangan) yang mempunyai Kad OKU berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat sahaja layak diberikan pengurangan.

d) Tempoh permohonan adalah untuk setiap penggal cukai taksiran iaitu untuk tempoh setahun (Januari hingga Disember).

e) Permohonan Pengurangan Cukai Taksiran bagi Orang Kelainan Upaya (OKU) akan dipertimbangkan dengan syarat bayaran cukai taksiran dijelaskan terlebih dahulu.

Untuk sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, pemohon boleh emelkan secara terus kepada **Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta** di alamat email [jpph@mbpj.gov.my](mailto:jpph@mbpj.gov.my).



# ORANG RAMAI DISERU AGAR LEBIH BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS KENDERAAN SENDIRI

Sehingga Februari 2022, Majlis telah menerima sebanyak 186 aduan berkenaan kenderaan terbiar di kawasan Petaling Jaya. Sehubungan dengan itu, Majlis telah mengambil tindakan notis terhadap kenderaan terbiar yang menyebabkan kacau ganggu dan menghalang lalulintas. Sebanyak 644 notis kenderaan terbiar telah ditampal pada kenderaan terbiar. Manakala sebanyak 133 kenderaan terbiar telah ditunda ke deph simpanan kenderaan terbiar setakat ini.

Selain aduan kenderaan terbiar yang diterima daripada orang awam, Majlis turut melaksanakan rondaan di setiap kawasan Petaling Jaya bagi mengenal pasti kenderaan terbiar di lokasi. Majlis juga turut bekerjasama dengan Ibu Pejabat Polis Daerah Petaling Jaya untuk menyemak sekiranya kenderaan tersebut mempunyai rekod jenayah.

Justeru, Majlis menyarankan kepada penduduk Petaling Jaya agar lebih bertanggungjawab dalam melupuskan kenderaan yang dimiliki atau tidak lagi digunakan dengan cara yang dibenarkan dan tidak meletakkan kenderaan tersebut di merata tempat. Tindakan seperti itu akan menyebabkan masalah kacau ganggu seperti pembiakan nyamuk aedes dan juga halangan lalulintas serta kemalangan.

Dalam masa yang sama, Majlis juga berkolaborasi dengan Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Selangor (JPJ) bagi membuat carian butiran pemilik kenderaan terbiar tersebut bagi memudahkan Majlis mengeluarkan notis pemberitahuan kepada pemilik kenderaan. Majlis turut mengadakan perbincangan dan operasi bersepadu dengan JPJ berhubung isu kenderaan terbiar ini dari semasa ke semasa.

Bagi memperkasakan akta-akta yang diguna pakai oleh Majlis, Majlis melaksanakan penguatkuasaan melalui pendidikan kepada orang awam dan penduduk Petaling Jaya. Hebahan akta berkenaan tindakan penguatkuasaan kenderaan terbiar dan akta-akta lain yang berkaitan yang dijalankan dibuat di dalam laman sosial rasmi Majlis dan media massa.



## MAJLIS KOMITED DALAM MENYELESAIKAN ADUAN

Sepanjang tahun 2021, sejumlah 14,291 aduan telah diterima dan sebanyak 12,805 aduan iaitu bersamaan 89.60 peratus telah diselesaikan oleh Jabatan. Berdasarkan itu, lima kes aduan tertinggi telah dikenal pasti yang melibatkan cantas/tebang pokok (1,345 kes), lampu jalan (1,328 kes), halangan awam/siar kaki/petak letak kereta (896 kes), kerosakan longkang kecil (797 kes) dan anjing/anjing liar (771 kes). Manakala bagi tahun 2022 (setakat 17 Februari 2022), sejumlah 2,609 aduan telah diterima dan sebanyak 1,483 aduan iaitu bersamaan 57 peratus aduan telah diselesaikan manakala baki 1,126 aduan dalam proses tindakan pihak jabatan.

Majlis Bandaraya Petaling Jaya komited dalam menyelesaikan aduan-aduan yang diterima. Justeru, inisiatif mahupun strategi yang dilakukan adalah berdasarkan Piagam Pelanggan di setiap jabatan akan sentiasa disemak dan dikaji semula terhadap jaminan kualiti perkhidmatan seperti yang dijanjikan berdasarkan kepada kapasiti dan keupayaan jabatan masing-masing sejajar dengan prinsip penambahbaikan berterusan.

Selain itu, Majlis juga akan memastikan pegawai/kakitangan yang ditugaskan untuk menguruskan aduan dan maklum balas pelanggan sentiasa kompeten agar perkara berbangkit dapat diberi respons dengan segera. Majlis juga akan memastikan

sumber tenaga kerja (dalaman dan luaran) di jabatan mencukupi/seimbang seiring dengan bilangan aduan diterima dan akan mengadakan perbincangan dan operasi bersepadu melibatkan Pengurusan Tertinggi Majlis dengan lebih kerap.

Bagi masyarakat yang ingin membuat aduan pula, adalah dinasihatkan agar memberi maklumat yang jelas dan nombor telefon yang boleh dihubungi. Jika keadaan ini sebaliknya, ianya menyukarkan Majlis untuk memberi maklum balas kepada pengadu berkenaan sesuatu aduan yang telah dibuat.



## KE ARAH USAHA MEMPERKUKUHKAN INTEGRITI

Dalam usaha membudayakan integriti di dalam organisasi dan dalam kalangan warga kerja Majlis, Pelan Integriti Organisasi (PIO) MBPJ 2022-2025 akan dibangunkan dan dilaksanakan bagi menggantikan PIO MBPJ sedia ada. PIO ini akan dikaji semula yang mengandungi program serta aktiviti yang akan dilaksanakan bagi tempoh empat tahun ke arah meningkatkan kesedaran dan pembudayaan amalan integriti dalam persekitaran kerja di MBPJ.

PIO ini dibangunkan sebagai salah satu pendekatan, strategi dan merupakan pelan tindakan bagi mencapai objektif serta matlamat PJSSR 2030 yang merupakan salah satu agenda utama di bawah 10 projek thematic (*E-Governance City*).

Di antara objektif PIO adalah bagi memperkukuhkan asas nilai-nilai murni dan membudayakan integriti sebagai amalan warga kerja, mempertingkatkan tadbir urus baik, kompetensi teras dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan dan mempertingkatkan daya tahan (*resilience*) dan produktiviti warga kerja dalam menangani perbagai cabaran.

Di antara strategi dan sasaran yang akan dilaksanakan di dalam PIO MBPJ 2022-2025 adalah Memantapkan keberkesanan tadbir urus terbaik, Meningkatkan kesedaran dan mewujudkan budaya kerja berintegriti, Meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan dan Memantapkan sistem kawalan dalaman. Gerakan pemantapan integriti MBPJ juga perlu melibatkan beberapa komponen seperti penghayatan, pengukuhan, pencegahan, komunikasi, pengiktirafan dan pemulihan dalam melaksanakan strategi serta program integriti masing-masing. Strategi, program dan aktiviti perlu disemak atau dipantau dari semasa ke semasa. Kajian semula perlu

dilakukan untuk menilai keberkesanan serta memperbaiki kelemahan agar integriti secara selangkah demi selangkah menjadi budaya masyarakat dalam jangka masa panjang.

Oleh yang demikian, bagi memastikan usaha-usaha memperkukuhkan integriti MBPJ, pengurusan atasan perlu memberikan isyarat yang jelas, tegas dan konsisten mengenai komitmen mereka melaksanakan agenda integriti. Komitmen yang sama perlu dizahirkan oleh pegawai bawahan lain dalam organisasi, yang demikian akan menyemarakkan semangat, keyakinan serta keghairahan warga kerja seluruhnya bagi memastikan Agenda Integriti MBPJ dapat dicapai dengan jayanya.

Pengurusan tertinggi perlu bertanggungjawab dalam memberikan bimbingan dan menunjukkan teladan mengenai integriti. Kepentingan pemegang taruh iaitu pemimpin dan pembuat dasar (Majlis), penduduk serta semua lapisan masyarakat serta badan-badan pertubuhan termasuk warga kerja organisasinya diambil kira bagi menjamin inisiatif pembangunan yang dilaksanakan itu seimbang, saksama dan berintegriti.

Ia juga selari dengan kenyataan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam semasa Perhimpunan Khas Amanat KPPA 2022 yang diadakan pada 17 Februari 2022 yang lalu yang memaklumkan bahawa dalam memastikan organisasi awam efisien dan efektif, ketua Jabatan perlu sentiasa meneliti, mengkaji fungsi sedia ada dan melakukan proses rekayasaan (*business process re-engineering*). Beliau turut menyentuh mengenai keperluan organisasi awam membentuk satu budaya kerja berprestasi tinggi dan budaya pengurusan tepat bagi menggalakkan percambahan idea dan menjana inovasi baru.



The infographic features a central illustration of two hands exchanging money, with the MBPJ logo and name in the middle. To the left, a hand holding money is crossed out with a red circle and slash. To the right, a man in a suit and sunglasses holds money. A yellow speech bubble with a megaphone icon says 'Jom Hebah INTEGRITI Bil. 4/2022'. The main title 'INTEGRITI' is in large red letters, followed by 'KEJUJURAN DAN KETULUSAN, KESEMPURNAAN, KEUTUHAN' in yellow. A text box at the bottom states: 'INTEGRITI bermula dari DIRI SENDIRI. integriti adalah PERBUATAN yang BAIK dan BETUL di sisi AGAMA, UNDANG-UNDANG dan PERATURAN, walaupun tiada mata yang memandang.' At the bottom, there are social media icons for Facebook, Instagram, and YouTube, along with the website 'www.mbpj.gov.my' and the slogan 'WE LOVE PETALING JAYA'.

**INTEGRITI**  
KEJUJURAN DAN KETULUSAN,  
KESEMPURNAAN, KEUTUHAN

**INTEGRITI** bermula dari **DIRI SENDIRI**.  
integriti adalah **PERBUATAN** yang **BAIK**  
dan **BETUL** di sisi **AGAMA, UNDANG-UNDANG**  
dan **PERATURAN**, walaupun  
tiada mata yang memandang.

[www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my)  Majlis Bandaraya Petaling Jaya   [pjcitycouncil](https://www.youtube.com/pjcitycouncil) 



## PROGRAM ISI MINYAK PERCUMA ANAK MUDA

**PETALING UTAMA, 29 JANUARI 2022** – Majlis Perwakilan Penduduk Zon 13 telah menganjurkan program isi minyak motosikal percuma anak muda di stesen minyak Petronas Petaling Utama untuk membantu golongan tersebut dan menyebarkan mesej penunggangan secara selamat. Program telah dirasmikan oleh Ahli Majlis Zon 13, En. Ng Yih Miin.



## PERTANDINGAN BADMINTON ZON 13

**PJS 1, 30 JANUARI 2022** - Majlis Perwakilan Penduduk Zon 13 telah menganjurkan pertandingan badminton yang berlangsung di gelanggang badminton Pangsapuri Permai, Jalan PJS 1/50. Program ini untuk memupuk semangat kesukanan dalam kalangan anak muda setempat. Pertandingan ini telah dirasmikan oleh Ahli Parlimen Petaling Jaya, YB Pn. Maria Chin Abdullah.



## SUMBANGAN TAHUN BARU CINA 2022 MPP ZON 18

**PJS 2, 31 JANUARI 2022** – Ahli Majlis Zon 18, En. Ahmad Akhir Pawan Chik telah menyampaikan sumbangan kepada 12 keluarga kaum cina yang menetap di kawasan Zon 18. Penerima sumbangan adalah terdiri daripada golongan ibu dan bapa tunggal serta warga emas yang berpendapatan rendah.



## PROGRAM KEMBALI KE SEKOLAH ZON 21

**SS 5 & SS 6, 12 FEBRUARI 2022** - Ahli Parlimen Petaling Jaya, YB Pn. Maria Chin Abdullah dan Ahli Dewan Negeri Seri Setia, YB Tn. Halimey Abu Bakar telah menyampaikan sumbangan barangan kembali ke sekolah kepada murid-murid kurang berkemampuan di Zon 21. Sumbangan untuk meringankan sedikit kos persediaan menghadapi sesi baru persekolahan nanti.



## PENYERAHAN BANTUAN BACK TO SCHOOL 2022

**ARA DAMANSARA, 13 FEBRUARI 2022** - Pusat Khidmat Rakyat ADN Seri Setia bersama pejabat Ahli Majlis Zon 4 dan Majlis Perwakilan Penduduk Zon 4 telah menyampaikan bantuan "back to school" kepada seramai 70 murid dari PPR Lembah Subang 1, PPR Lembah Subang 2, Pangsapuri Vista Subang dan Pangsapuri Seri Jati. Penyerahan sumbangan telah disempurnakan oleh Ahli Dewan Negeri Seri Setia, YB Tn. Halimey Abu Bakar dan diiringi oleh Ahli Majlis Zon 4, En. Anwar Nekhan.



## SAMBUTAN TAHUN BARU CINA TIARA KELANA CONDO

**SS 7, 13 FEBRUARI 2022** - Memandangkan wabak COVID-19 yang masih belum reda, Persatuan Penduduk Tiara Kelana Condo telah mengambil pendekatan untuk meraikan sambutan Tahun Baru Cina secara sederhana dengan menyediakan 100 pek kuih tradisi fatt koh bersama barangan yang disumbangkan Ahli Majlis Zon 22, Pn. Rahibah Che Omar untuk diedarkan kepada penduduk sekitar.



## PROGRAM MARI BELAJAR MEMBUAT DECOUPAGE

**SS 5A, 20 FEBRUARI 2022** - Seramai 25 orang peserta telah mengikuti program Mari Belajar Membuat Decoupage Penutup Balang Kuih. Pn. Rozazith Hj. Ahmad, Ahli Majlis Zon 21 selaku tenaga pengajar untuk membimbing peserta menghasilkan balang kuih yang menarik.



## SEDAR WALK ZON 21

**SS 5A, 20 FEBRUARI 2022** - Ahli Majlis Zon 21, Pn. Rozazith Hj. Ahmad telah menganjurkan aktiviti santai SEDAR Walk dan plogging sekitar perumahan SS 5A Kelana Jaya. Seramai 30 orang penduduk menyertai program ini yang bertujuan untuk mewujudkan kesedaran pencegahan penyakit demam denggi dengan menjaga kebersihan di dalam dan luar rumah.



# Saluran ADUAN AWAM

## MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Aduan **ANDA** Keutamaan Kami

MISI PERKHIDMATAN PELANGGAN MBPJ : **MESRA, CEPAT DAN TEPAT "Kualiti Keutamaan Kami"**

### Saluran Utama

 : Aplikasi - eAduan MBPJ

 : <https://embpj.mbpj.gov.my>

 : [aduan@mbpj.gov.my](mailto:aduan@mbpj.gov.my)

 : 011-1201 7914

 : MBPJ Aduan  
(Waktu & Hari bekerja sahaja)

 : Datang sendiri

 : 03-7955 1804

 : 03-7954 2020

 : **Surat** Alamat Surat-menyurat : Seksyen Aduan Awam, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Jalan Yong Shook Lin, 46675, Petaling Jaya, Selangor

**Nota Kepada Pengadu :** Sila berikan Nama, No. Kad Pengenalan, Alamat, e-mel dan No. Telefon berserta keterangan dan lokasi yang terperinci semasa mengemukakan aduan bagi memudahkan tindakan dan maklum balas